

30/03/1997

Tak ada frozen apa pun ...

ALKISAHNYA, Jumaat lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kata laporan media bahawa Malaysia membekukan hubungan baru dengan Singapura tidak benar. Dr Mahathir juga kata Datuk Seri Anwar Ibrahim dah jelaskan apa yang dilaporkan itu tak benar.

"Dia tak kata macam itu," kata Perdana Menteri.

Beliau kata begitu ketika mengulas laporan media tempatan bahawa Kabinet pada mesyuarat mingguannya Rabu lalu putuskan untuk beku urusan dua hala baru dengan Singapura berikutan perbalahan diplomatik yang tercetus ekoran kenyataan Menteri Kanannya Lee Kuan Yew mengenai Johor.

Mesyuarat Kabinet itu dipengerusikan oleh Anwar kerana Dr Mahathir ketika itu berada di Jepun untuk lawatan rasmi.

"Tak ada beku, tak ada frozen apa pun," kata Dr Mahathir yang sifatkan laporan itu beri gambaran seolah-olah Malaysia sengaja mahu bertindak terhadap Singapura.

Teman percaya memang itulah yang diputuskan oleh Kabinet. Malah kenyataan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong sehari sebelum mesyuarat Kabinet dengan jelas menyatakan hasrat Singapura untuk teruskan hubungan baik di antara kedua-dua negara.

Cuma yang menjadi teman `pening' sedikit ialah mengapa ada menteri Kabinet yang menyertai mesyuarat mingguan itu beri gambaran yang lain. Laporan Bernama bukan dibuat suka-suka hati saja. Ia memetik setidak-tidaknya dua menteri yang kata hubungan baru Singapura-Malaysia dibeku.

Maka, dari mana datangnya cerita tu? Wartawan yang salah tafsir atau menteri yang salah cakap? Entahlah!

(END)